


kesihatan ummah, pembangunan ekonomi negara serta pembentukan generasi pada masa akan datang, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa shisha adalah haram. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang menghisap shisha atau menyediakan perkhidmatan menghisap shisha atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan shisha.

b) Muzakarah menegaskan bahawa pengharaman shisha ini adalah berdasarkan nas-nas syarak daripada al-Quran dan Hadith serta Kaedah Fiqhiyyah bagi memastikan lima perkara asas bagi manusia yang terkandung dalam Maqasid Syari'yyah iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dapat dipelihara sepetimana tuntutan syarak, kerana Shisha jelas memudaratkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara buruk atau keji, berdasarkan nas-nas berikut:

Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud: "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan".



JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

HUKUM
MENGHISAP
SHISHA

Terbitan
JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK
Aras 15, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah,
Lorong P. Ramlee 5, Off Jalan P. Ramlee
Kuching, Sarawak
www.muftinegerisarawak.gov.my
Telefon : 082-507 500 Faks: 082-507200 / 507300
Dengan Kerjasama

TABUNG
BAITULMAL
MAJLIS ISLAM SARAWAK

The right side of the image features a large profile of a person's head in profile, with a thick plume of yellow and blue smoke billowing out from their mouth. Above the profile is the official emblem of Sarawak, and above that is the text "JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK". The main title "HUKUM MENGHISAP SHISHA" is written in large, bold, yellow letters across the middle of the dark background. At the bottom, the word "SHISHA" is written in large, jagged, red letters.

HUKUM MENGHISAP SHISHA

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-23 yang bersidang pada 29 Syawal 1434H bersamaan 05 September 2013M telah sebulat suara memutuskan bahawa:

“Hukum menghisap shisha adalah haram di sisi syarak kerana ianya jelas menyalahi ‘maqasid syar’iyyah’ iaitu memudaratkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta termasuk dalam perkara keji. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh “سد الذريعة” iaitu menutup pintu kerosakan. Ini bermakna menyekat sesuatu yang boleh membahayakan diri seseorang adalah perlu dijauhi.”

Oleh hal yang demikian, penyediaan perkhidmatan menghisap shisha seperti menjual atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengannya adalah dilarang.



Kesan Terhadap Kesihatan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam kenyataannya telah menegaskan bahawa ‘hookah’ ataupun shisha adalah tidak selamat untuk digunakan.

Menghisap ‘hookah’ akan membawa risiko kesihatan yang sama seperti merokok atau penggunaan produk tembakau yang lain. Dengan demikian, ‘hookah’ bukanlah alternatif atau gantian kepada perbuatan menghisap rokok. Bertentangan dengan kepercayaan sebelum ini, asap tembakau yang keluar dari balang air ‘hookah’ sebenarnya mengandungi toksin-toksin yang diketahui menyebabkan penyakit paru-paru, penyakit jantung dan berbagai lagi penyakit berbahaya yang lain.

Menurut WHO, perbuatan menghisap ‘hookah’ selain mendatangkan risiko yang sama seperti rokok, ia boleh juga mengakibatkan lain-lain risiko kesihatan yang khusus (*some unique healthrisks*).




Larangan Membinasakan Diri

Allah melarang umatnya membiarkan diri sendiri terdedah dengan berbagai-bagai bahaya dan kemudharatan. Ini sebagaimana firman Allah S.W.T.:

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

(Surah al-Baqarah: 195)



HUKUM MENGHISAP SHISHA

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-23 yang bersidang pada 29 Syawal 1434H bersamaan 05 September 2013M telah sebulat suara memutuskan bahawa:

“Hukum menghisap shisha adalah haram di sisi syarak kerana ianya jelas menyalahi ‘maqasid syar’iyyah’ iaitu memudaratkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta termasuk dalam perkara keji. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh “سد الذريعة” iaitu menutup pintu kerosakan. Ini bermakna menyekat sesuatu yang boleh membahayakan diri seseorang adalah perlu dijauhi.”

Oleh hal yang demikian, penyediaan perkhidmatan menghisap shisha seperti menjual atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengannya adalah dilarang.



Kesan Terhadap Kesihatan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam kenyataannya telah menegaskan bahawa ‘hookah’ ataupun shisha adalah tidak selamat untuk digunakan.

Menghisap ‘hookah’ akan membawa risiko kesihatan yang sama seperti merokok atau penggunaan produk tembakau yang lain. Dengan demikian, ‘hookah’ bukanlah alternatif atau gantian kepada perbuatan menghisap rokok. Bertentangan dengan kepercayaan sebelum ini, asap tembakau yang keluar dari balang air ‘hookah’ sebenarnya mengandungi toksin-toksin yang diketahui menyebabkan penyakit paru-paru, penyakit jantung dan berbagai lagi penyakit berbahaya yang lain.

Menurut WHO, perbuatan menghisap ‘hookah’ selain mendatangkan risiko yang sama seperti rokok, ia boleh juga mengakibatkan lain-lain risiko kesihatan yang khusus (*some unique healthrisks*).




Larangan Membinasakan Diri


Allah melarang umatnya membiarkan diri sendiri terdedah dengan berbagai-bagai bahaya dan kemudharatan. Ini sebagaimana firman Allah S.W.T.:

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

(Surah al-Baqarah: 195)





Maksudnya:

"Tidak boleh mudharatkan (diri sendiri) dan memberi kemudharatan (kepada orang lain)".

Larangan Melakukan Pembaziran

Membelanjakan wang terhadap perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan sebagainya amatlah ditegah dalam Islam. Perbuatan sedemikian boleh mendatangkan keburukan dan membawa kepada pembaziran harta, masa, tenaga dan sebagainya. Islam melarang setiap pembaziran seperti firman Allah S.W.T.:

Maksudnya:

*"...dan janganlah Engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau".
(Surah al-Isra': 26)*

Qiyas

- a. Hukum menghisap shisha diqiyaskan kepada hadith:

(لا ضرر ولا ضرار)

Setiap sesuatu yang memudharatkan adalah haram. Ini kerana, shisha dan rokok mempunyai persamaan dari sudut komposisinya seperti sedutan asap yang terhasil daripada tembakau. Malah, kajian WHO menunjukkan asap yang terhasil daripada shisha lebih banyak terhasil berbanding rokok sebanyak 100-200 batang rokok pada satu-satu sesi.

- b. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah membincangkan Hukum Merokok Dari Pandangan Islam dan telah memutuskan bahawa "Merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan".

- c. Begitu juga keputusan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Pertama yang bersidang pada 8 dan 9 Disember 1995 telah mengambil keputusan dengan sebulat suara bahawa, "Merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan pada kesihatan dan pembaziran pada perbelanjaan".



SIGHAH FATWA KEBANGSAAN

Keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Muzakarah Jawatankuasa Khas Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan berkenaan Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- a) Setelah mendengar pembentangan dan penjelasan pakar-pakar daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan meneliti maklumat serta bukti-bukti perubatan dan saintifik terperinci yang dikemukakan dari dalam dan luar negara mengenai kesan dan kemudharatan besar yang dihadapi akibat daripada shisha terhadap